

NO. SOALAN : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) Jumlah pelaburan oleh Tabung Haji dan KWAP dalam FGV (Felda Global Ventures) dan FIC (Felda Investment Corp) ;
dan
- (b) Nilai semasa pelaburan di atas dan jumlah keuntungan atau kerugian dan apakah hasil siasatan oleh SPRM ke dalam pembelian hotel oleh FIC.

23

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 29 September 2017, nilai peratusan pegangan saham Tabung Haji dan KWAP dalam FGV masing-masing adalah sebanyak 7.78% dan 7.34%. Nilai pelaburan semasa pegangan di atas berdasarkan harga saham terkini adalah dianggarkan Tabung Haji sebanyak RM520 juta dan KWAP sebanyak RM490 juta.

Berkenaan dengan jumlah keuntungan pelaburan pemegang saham FGV, data berkenaan boleh dirujuk menerusi buku Laporan Tahunan 2016 FGV menerusi laman sesawang rasminya atau laporan kepada Bursa Malaysia. Sejak disenaraikan pada 2012, FGV tidak pernah gagal mengeluarkan dividen tahunan kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Bagi Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) pula, memandangkan ia merupakan syarikat milikan penuh FELDA. FIC tidak pernah memperolehi dana pelaburan dari mana-mana pihak luar termasuklah Tabung Haji atau KWAP. Pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan oleh FIC dibiayai sepenuhnya menggunakan dana yang disalurkan oleh FELDA atau pinjaman dari institusi kewangan.

Berkaitan siasatan ke atas pembelian hotel FIC oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pada masa ini siasatan oleh pihak SPRM masih lagi berjalan dan hasil siasatan tidak dapat didedahkan sebagaimana tertakluk kepada Seksyen 29 (4), Akta SPRM 2009.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 19

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Perbadanan Aset Kereta Api (RAC) sudah melaksanakan caj parkir di seluruh stesen kereta api. Apakah Kementerian mahu mengkaji semula agar dimansuhkan pelaksanaan caj parkir ini dari menjadi bebanan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah melaksanakan pengurusan tempat letak kereta di semua stesen keretapi milik RAC di seluruh negara melalui lantikan beberapa buah syarikat secara sebut harga terbuka.

Pada masa ini, caj yang dikenakan adalah sebanyak RM2 bagi dua jam pertama dan caj maksima adalah sebanyak RM4 untuk sepanjang hari. Di atas keprihatinan Kerajaan dan RAC, golongan kurang upaya adalah tidak dikenakan sebarang caj letak kereta.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, RAC memahami keprihatinan pihak pengguna terhadap pengenaan caj parkir tersebut.. Walau bagaimanapun, pengenaan caj ini dilaksanakan setelah mengambilkira bebanan kewangan yang perlu ditanggung oleh RAC bagi membiayai kos penyelenggaraan, kawalan keselamatan, liputan kamera litar tertutup, perlindungan insurans serta bil utiliti.